

TEKS UCAPAN
NAIB CANSELOR UNIVERSITI TEKNIKAL MALAYSIA MELAKA
YBRS. PROFESOR TS. DR. MASSILA KAMALRUDIN

**MAJLIS PERASMIAN PENUTUP KARNIVAL SUKAN NAIB CANSELOR UNIVERSITI
TEKNIKAL MALAYSIA MELAKA (UTeM)**

25 Jun 2023 (Ahad), 3.00 petang

Dewan Sukan, Universiti Teknikal Malaysia Melaka

UNIVERSITI TEKNIKAL MALAYSIA MELAKA

Bismillah Hirrahman Nirrahim

Terima kasih saudara/saudari pengacara majlis.

1. **Yang Berbahagia Profesor Madya Datuk Dr Sabri bin Mohamad Sharif**

Timbalan Naib Canselor Hal Ehwal Pelajar dan Alumni

2. **Yang Dihormati Puan Sabarina binti Abdullah**

Bendahari UTeM merangkap Bendahari PUSPANITA UTeM

3. **Yang Berbahagia Datin Wira Ts Nurazlina binti Sanusi**

Pengarah, Pejabat Pengurusan dan Perhubungan Canselori yang juga Presiden Kelab Badminton UTeM

4. **Yang Dihormati Encik Azhar bin Mohd Salleh**
Pengarah Pusat Sukan UTeM
5. **Yang Berbahagia Datuk Wira Sazali bin Mohd Din**
Ketua Pegawai Eksekutif UTeM Holding
6. Seterusnya para hadirin yang dikasihi sekalian.



Assalamualaikum Warahmatullahi Wabarakatuh
Salam Sejahtera
Salam Malaysia Madani
Salam Melaka ku Maju Jaya Rakyat Bahagia Menggamt Dunia
Salam UTeMku Sayang Menjajar Universiti Melonjak ke Hadapan

1. Alhamdulillah, setinggi-tinggi kesyukuran ke hadrat Allah SWT, kerana dengan limpah kurnia dan izinNya juga, dapat kita bersama-sama hadir bagi memeriahkan Majlis Perasmian Penutup Karnival Sukan Naib Canselor Universiti Teknikal Malaysia Melaka (UTeM).
2. Pertamanya, sekalung tahniah diucapkan kepada Kelab Badminton UTeM (UBC) dan Persatuan Suri dan Anggota Wanita Perkhidmatan Awam Malaysia UTeM atau PUSPANITA UTeM di atas kejayaan

menganjurkan Karnival Sukan Naib Canselor Universiti Teknikal Malaysia Melaka (UTeM) yang julung kali diadakan ini.

3. Di kesempatan ini juga, saya ingin mengucapkan jutaan terima kasih di atas kesudian menjemput saya hadir di majlis yang gilang-gemilang ini.

Hadirin dan hadirat yang dikasihi sekalian,

4. Sukan merupakan cara terbaik untuk membantu meningkatkan kesihatan diri dan kesejahteraan semua masyarakat selain mampu menyumbang ke arah meningkatkan produktiviti kerja. Maka itu, saya mencadangkan kepada PUSPANITA UTeM dan Kelab Badminton UTeM agar dapat menganjurkan satu karnival sukan untuk penglibatan semua pihak iaitu staf dan juga pelajar dan lebih baik jika dapat bekerjasama dengan pihak luar di sekitar negeri Melaka.

5. PUSPANITA telah menyahut cadangan saya itu dan telah menganjur 2 jenis sukan iaitu sukan bowling yang melibatkan 44 peserta di kalangan staf UTeM yang telah berlangsung malam semalam di Melaka International Bowling Centre (MIBC). Saya juga di maklumkan satu sukan lagi yang dianjurkan oleh PUSPANITA UTeM ialah sukan bola jaring yang melibatkan 16 orang peserta yang telah berlangsung pagi semalam. Saya rasa untuk permulaan jumlah ini merupakan satu indikator respon yang positif dan berharap PUSPANITA UTeM dapat melibatkan jumlah penyertaan yang lebih besar mungkin melibatkan agensi luar sekitar Melaka.
6. Selain 2 sukan tadi, satu Kejohanan Badminton Jemputan Piala Naib Canselor UTeM telah berjaya dianjurkan dengan jaya seperti yang kita lihat petang ini. Tahniah saya ucapkan kepada Kelab Badminton UTeM (UBC) kerana dapat menganjur kejohanan sebesar ini tanpa

peruntukanan yang tinggi dari pihak UTeM sendiri. Inilah salah satu kelab yang boleh dicontohi oleh kelab lain di UTeM.

7. Saya dimaklumkan bahawa kejohanan badminton ini berjaya menarik penyertaan sebanyak 114 regu berbanding sasaran hanya 96 regu sahaja. Dan amat membanggakan lagi selain penyertaan pelajar dan staf UTeM, kejohanan ini melibatkan penyertaan dari IPT di sekitar Melaka seperti, UiTM, MMU, Kolej Komuniti, Politeknik, Manipal Kolej, MICOST dan UniMeL.
8. Saya juga difahamkan 50 % penyertaan datangnya dari agensi kerajaan dalam negeri Melaka yang dijemput seperti, Jabatan Kerja Raya (JKR), Kementerian Kesihatan (KKM), Kastam Diraja, Jabatan Pengangkutan Jalan (JPJ), Jabatan Pendidikan Melaka, BOMBA, Syarikat Air Melaka, Jabatan Penjara Melaka, Pejabat Tanah dan lain-lain lagi. Syabas

diucapkan. Saya harap dengan penglibatan pihak luar ini dapat mengeratkan lagi hubungan UTeM dengan pihak luar

9. Syabas diucapkan kepada Kelab Badminton UTeM (UBC) diatas usaha kuat menyahut cadangan saya dalam menganjurkan amalan gaya hidup sihat melalui aktiviti sukan. Saya juga berharap dengan penglibatan pihak luar ini dapat mengeratkan lagi hubungan UTeM dengan pihak luar

Hadirin yang saya hormati sekalian,

10. Akhir kata, saya juga turut mengharapkan warga UTeM untuk bukan sahaja mengamalkan gaya hidup sihat dengan bersukan, tetapi juga dengan menjaga pemakanan. Ini untuk mengelakkan daripada penyakit seperti Sakit Jantung, Gout, Kencing Manis, Darah Tinggi dan lain-lain yang banyak dihadapi oleh warga Malaysia dan UTeM terutama di

peringkat umur atasan. Insyaallah gaya hidup yang sihat akan dapat mengelakkan kita daripada mendapat sebarang penyakit.

11. Dengan lafaz Bismillah Hirrahman Nirrahim, saya dengan ini merasmikan Majlis Perasmian Penutup Karnival Sukan Naib Canselor Universiti Teknikal Malaysia Melaka (UTeM) Universiti Teknikal Malaysia Melaka (UTeM) 2023.

Sekian, saya sudahi dengan Wabillahi Taufik Wal Hidayah
Wassalamu'alaikum Warahmatullahi Wabarakatu

اویونیورسیتی تکنیکال ملایزیا ملاک

UNIVERSITI TEKNIKAL MALAYSIA MELAKA